

Malaysia sedia hadapi kesan terima pelarian

27 SEP 2000

KUALA LUMPUR, Selasa – Malaysia bersedia menerima sebarang akibat daripada kesediaannya menerima pelarian perang selatan Filipina yang melarikan diri berikutan serangan tentera negara itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia tidak mengambil sesuatu tindakan tanpa perancangan atau memikirkan kesan sampingan tindakan itu.

“Ya, ya, ya, ya. Kita tidak berbuat sesuatu tanpa bersedia atau sanggup menerima akibat atau kesan sampingan daripada tindakan yang kita ambil,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Dagangan Kedah di Menara UBN di sini hari ini.

Beliau mengulas perseediaan Malaysia menghadapi kemungkinan kemasukan pelarian perang Filipina ke Sabah secara beramai-ramai berikutan tindakan tentera Filipina meningkatkan serangan terhadap kubu kumpulan pemisah Abu Sayyaf.

Dr Mahathir juga mengulangi pendirian Malaysia untuk menerima pendaratan rakyat Filipina itu tetapi akan memberi layanan berdasarkan status mereka.

“Jika mereka datang ke perairan negara kita dan mereka sebenarnya pelarian perang, maka kita akan layan mereka sebagaimana.”

“Tetapi jika mereka pendatang tanpa izin, maka seperti biasa kita akan layan mereka sebagai pendatang tanpa izin,” katanya.

Tentera Filipina mula melancarkan serangan itu sejak lebih seminggu lalu bagi membebaskan 17 tebusan termasuk tiga rakyat Malaysia dan seorang rakyat Amerika yang ditawan kumpulan itu.

Rakyat Malaysia itu diculik pada 10 September di Pulau Pandanan selepas semua, kecuali seorang daripada 21 tebusan yang diculik di Pulau Sipadan, Sabah pada 23 April lalu, dibebaskan.

Mereka ialah Pengurus Pandanan Semporna Island Resort, Mohamad Noh Sulaiman, 43, jurulatih penyelam, Joe Joseph Jongkinoh, 40, dan kontraktor, Kan Wei Chong, 35.